

SOALAN NO : 130

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK WEE JECK SENG
[TANJONG PIAI]
TARIKH : 12 JUN 2014
SOALAN :**

Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sejauh manakah usaha Kementerian untuk memastikan rakyat mendapat perkhidmatan kesihatan yang berkualiti dengan kos yang minima dengan mengambil kira perhatian beban dan kos sara hidup rakyat yang terus meningkat.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi memastikan perkhidmatan perubatan dan kesihatan yang berkualiti tinggi dengan kos yang minima dapat dinikmati oleh setiap lapisan masyarakat di mana jua mereka berada, Kementerian Kesihatan telah mewujudkan pelbagai kemudahan infrastruktur dan cara penyampaian perkhidmatan yang lebih efektif kepada rakyat.

Antara langkah-langkah yang diambil termasuk menambah bilangan katil pesakit dengan membangunkan lebih banyak hospital dan mempertingkatkan bilangan pakar dan pegawai perubatan di hospital-hospital KKM. Bilangan pegawai perubatan KKM telah meningkat kepada 27,478 orang pada tahun 2012 berbanding 22,429 pegawai perubatan pada tahun 2010. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 3,425 orang adalah pakar yang terlatih dalam bidang kepakaran masing-masing pada tahun 2012, berbanding 2,958 orang pakar pada tahun 2010.

Bagi memastikan perkhidmatan kepakaran dapat disediakan di Hospital Tanpa Pakar, kerjasama *networking* di antara hospital berpakar dengan hospital tanpa pakar digalakkan di mana pakar-pakar akan memberi perkhidmatan pesakit dalam setiap hari di Hospital Tanpa Pakar. Pakar Perubatan dari Institut Pengajian Tinggi Awam / Swasta turut digalakkan untuk memberikan perkhidmatan perubatan di hospital-hospital KKM tanpa pakar termasuklah yang berada di kawasan luar bandar di mana penuntut-penuntut perubatan mereka menjalani latihan.

Kerajaan juga telah mengurangkan keperluan bagi rawatan secara pesakit dalam dengan memperluaskan perkhidmatan Rawatan Harian ke hospital-hospital seluruh negara dan menyediakan perkhidmatan tertentu di luar kompleks hospital seperti pembedahan minor kataraks seperti yang dilakukan oleh Hospital Selayang melalui kerjasama dengan agensi kerajaan lain dan syarikat swasta. Konsep perawatan di rumah turut dipertingkatkan melalui perkhidmatan

Home Care Nursing, Home Based Palliative Care, dan Community Rehabilitation Psychiatric Care.

Langkah yang diambil bagi mengurangkan masa menunggu disamping memastikan perkhidmatan yang berkualiti dapat diberikan kepada rakyat termasuklah perkhidmatan pembedahan Hari Sabtu dan penganjuran Karnival Kesihatan Program Perubatan yang dapat mengurangkan masa menunggu pesakit untuk pembedahan elektif di peringkat negeri. Inisiatif untuk mengurangkan masa menunggu tuntutan ubat di hospital dan juga kos perjalanan bagi pesakit dan penjaga adalah melalui Sistem pembekalan ubat-ubatan (SPUB), Perkhidmatan Ubat Melalui Pos 1Malaysia (UMP 1Malaysia) dan Sistem Temujanji melalu SMS atau emel. Fokus turut diberikan dalam menyusun dan memperbaiki proses kerja di hospital-hospital KKM agar lebih efisien dan lancar melalui *Lean Healthcare Program*.

Selain itu, klinik juga menyediakan perkhidmatan selepas waktu pejabat iaitu dari jam 5 petang sehingga jam 9.30 malam, manakala hari Sabtu klinik dibuka dari 8 pagi hingga 12 tengahari. Terdapat 67 buah klinik kesihatan di seluruh negara yang menyediakan perkhidmatan ini dan telah memberi peluang kepada rakyat untuk mendapatkan perkhidmatan di klinik-klinik kerajaan selepas waktu bekerja mereka.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sentiasa memberikan perhatian serius dalam memastikan rakyat mendapat perkhidmatan

yang berkualiti. KKM menyediakan perkhidmatan yang komprehensif dan holistik iaitu merangkumi perkhidmatan promosi kesihatan, pencegahan, rawatan dan rehabilitasi. Dengan bayaran fi yang nominal iaitu RM1 bagi caj rawatan pesakit luar, pelanggan menerima perkhidmatan "one stop center" di mana saringan faktor risiko kesihatan, khidmat konsultasi oleh doktor yang merawat, bekalan ubat-ubatan serta ujian makmal yang bersesuaian dapat diberikan kepada pelanggan dengan satu kali lawatan sahaja.

Manakala bagi perkhidmatan kesihatan ibu hamil dan kanak-kanak, perkhidmatan seperti penjagaan antenatal, posnatal, lawatan ke rumah, perkhidmatan penilaian perkembangan dan tumbesaran kesihatan anak, pemakanan dan imunisasi, tiada caj rawatan dikenakan bagi perkhidmatan ini.